



Sinar Harian - 579 Aduan Pencatutan Diterima

🕒 Rabu, Okt 03 2018



579 aduan pencatutan diterima

Sinar Harian 3/10/18

KUCHING - Sebanyak 579 aduan pencatutan berkaitan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) diterima Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN-HEP) sehingga kelmarin sejak cukai itu dilaksanakan 1 September lepas.

Ketua Unit Antipencatutan Bahagian Penguatkuasaan KPDNHEP Putrajaya, Ab Hafidz Ab Rahim berkata dalam tempoh sama sebanyak 16,310 premis dan 404,519 barangan diperiksa untuk mengelak peniaga mengambil kesempatan menaikkan

munasabah dengan menaikkan harga barang kesan SST ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan taklimat SST di Auditorium P Ramlee, RTM di sini semalam.

Ab Hafidz juga mengingatkan peniaga yang masih menyimpan stok lama agar tidak mengambil kesempatan menjual barangan berdasarkan elemen pencukaian SST.

"Ada barangan 'slow moving' contohnya tayar, perabut, barangan elektrik, alat ganti kenderaan,

g...komputer...menaikkan harga barangan.

"Operasi Catut 5.0 Fasa II menyaksikan pelbagai aduan diterima terutama berhubung kenaikan harga, hasil pemeriksaan daripada aduan tersebut sebanyak 146 notis mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Harga Dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 telah dikeluarkan.

"Berdasarkan pemantauan memang dilihat ada perubahan harga, ada naik dan ada yang turun tetapi ini dalam kawalan, KPDNHEP akan bertindak tegas terhadap peniaga yang sengaja mengambil keuntungan tidak

barang elektronik, alat ganti kenderaan masih dalam simpanan peniaga. Sekiranya peniaga memiliki stok semasa tempoh 'tax holiday' yang diberi kerajaan sebelum ini, barangan atau stok lama yang masih tidak sampai ke peringkat pengguna atau peruncitan itu mesti dijual pada harga lama dan tidak boleh dikenakan elemen pencukaian SST.

"Sekiranya pengguna nampak perubahan harga boleh maklumkan kepada KPDNHEP, kita ada kuasa untuk membuat pemeriksaan rekod lama dan jika berlaku kesalahan tindakan boleh diambil," katanya. - *Bernama*



BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian



Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro



e-Penyertaan & Maklumbalas



Statistik & Prestasi



Pautan



Agensi



Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **14 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**